



**Kenyataan Media
(Untuk Siaran Segera)
Jumaat, 23 November 2018**

**PENUTUPAN SEMENTARA LORONG PLAZA TOL TAMAN RIMBA TEMPLER,
LEBUHRAYA LATAR**

Kuala Lumpur – Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR) ingin memaklumkan bahawa Latihan Simulasi Kemalangan Lebuhraya dengan kerjasama pihak St. John Ambulance Malaysia akan diadakan pada butiran berikut:

TARIKH : 25 NOVEMBER 2018 (AHAD)

MASA : 8.30 PAGI HINGGA 12.00 TENGAHARI

LOKASI : PLAZA TOL TAMAN RIMBA TEMPLER, ARAH TIMUR

Justeru itu, sebahagian laluan di lokasi tersebut akan ditutup sementara dan laluan kontra akan diaktifkan sewaktu latihan simulasi tersebut dijalankan.

Pengguna lebuhraya dinasihatkan agar mematuhi segala arahan lalulintas yang disediakan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi LATAR line di 03-6145 1515. Sebarang kesulitan amatlah dikesali.

Lebuhraya KL-Kuala Selangor (Lebuhraya LATAR)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Surati Sujor (013-2660207) / Hairunnisa Kastolany (012-6881587).

###